

28 FEB 2000

Mahathir-MT

MT TETAP DENGAN PENDIRIANNYA, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 28 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno tetap dengan pendiriannya agar tidak ada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti Mei ini walaupun ada pendapat yang berbeza di kalangan beberapa tokoh parti yang bukan anggota MT mengenainya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata MT tetap berpegang dengan nasihatnya agar tidak ada pertandingan kerana ia tidak sihat bagi parti.

"Kepentingan parti lebih selamat jika tidak ada pertandingan," katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, hari ini pada akhir lawatan seharusnya ke Kedah.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pandangan beberapa tokoh parti yang bukan anggota MT yang berbeza pendapat dengan pendirian MT mengenai soal pertandingan itu.

(MT telah membuat nasihat itu bagi mengelakkan perpecahan di kalangan anggota parti akibat pertandingan sengit seperti yang berlaku pada pemilihan 1987 sehingga membawa kepada parti itu diisytiharkan tidak sah).

Sebelum ini dua bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Musa Hitam mencadangkan agar kedua-dua jawatan tertinggi parti itu dipertandingkan ke arah mengekalkan demokrasi di dalam parti.

Perdana Menteri yakin pendirian MT itu disokong oleh pelbagai peringkat anggota parti termasuk peringkat akar umbi berdasarkan maklumat balas yang diterimanya.

Ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata Umno akan mengadakan kursus untuk anggota baru dan muda bagi mengembalikan semangat perjuangan parti yang asal iaitu untuk agama, bangsa dan negara.

"Kursus pembaharuan ini bertujuan agar mereka setia kepada Umno dan tidak pada individu tertentu sahaja. Kita mahu lahirkan pemimpin yang berjuang untuk agama, bangsa dan negara dan bukannya atas kepentingan peribadi," katanya.

Ketika mengulas mengenai pertemuannya dengan bekas-bekas wakil rakyat Kedah di Lapangan Terbang setibanya pagi tadi, Dr Mahathir berkata beliau menasihatkan mereka supaya terus berkhidmat kepada parti yang telah berjasa kepada mereka sebelum ini.

"Mereka mesti sanggup menjalankan tugas dan bekerja kuat untuk memperkukuhkan semula Umno."

Katanya ini kerana pada pilihan raya umum lepas parti lawan telah berjaya mempengaruhi rakyat membenci kerajaan dan menghapuskan ajaran Islam yang menyeru umatnya bersyukur dan berterima kasih.

"Anggota Umno harus membawa masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Jangan dengar berita daripada orang fasik," katanya.

Beliau berkata mereka sepatutnya memeriksa sesuatu berita yang diterima terutamanya yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

-- BERNAMA

JM MAN NMO